

Perancangan terperinci NAP 2020

BA - 22/2/2020

Dasar tidak pernah tertangguh, m/s: 3
 pembetulan untuk manfaat industri

Oleh Mohd Zaki Zainudin,
 Alzahrin Alias dan Mohd
 Nasaruddin Parzi
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Dasar Automotif Nasional 2020 (NAP 2020) tidak pernah tertangguh, namun sedikit pembetulan dibuat bagi membolehkan ia memberi manfaat menyeluruh kepada industri automotif tempatan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Darrell Leiking, berkata NAP 2020 sudah melalui penyelidikan bersepadu, perundingan komprehensif dan perancangan terperinci.

"Segala input dalam NAP 2020 mengambil kira pandangan peserta industri, ahli akademik dan agensi serta Kementerian Berkaitan.

"NAP 2020 menumpukan ke- pada matlamat baharu. Ia me-

neruskan sedia ada dalam NAP 2014, jadi tiada persoalan mengenai perubahan dasar," katanya pada majlis pelancaran NAP 2020 di sini, semalam.

NAP 2020 semalam, dilancarkan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, adalah satu usaha menjadikan Malaysia pe- neraju serantau dalam sektor pembuatan, kejuruteraan, tekno- logi dan pembangunan manupan dalam sektor automotif sejajar dengan Visi Automotif Nasio- nal.

MITI juga menyarankan penge- nalan NAP 2020, diangka man- pu menyumbang RM104.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2030.

Mengulas lanjut, Leiking ber- kata, NAP 2020 juga mengga- bungkan tiga elemen teknologi canggih baharu seiring kepe- rluan pasaran global, iaitu Ken- deraan Generasi Seterusnya (NxGV), Mobiliti sebagai satu

Perkhidmatan (Maas) dan Revo- lusi Perindustrian 4.0 (IR4.0).
 Bagi menyokong pengembangan itu, beliau berkata, NAP 2020 me- netapkan tiga teras hala tuju dan strategi merangkumi tujuh pelan tindakan.

"Hala tuju pertama adalah tek- nologi dan kejuruteraan bagi pem- bangunan sistem dan komponen.
 "Hala tuju kedua menumpukan pelaburan dan hala tuju ketiga per- luasan pasaran, meningkatkan eksport termasuk perkhidmatan

selepa- sektor.
 Tiga- pula, I- nan ran- nan ran- persek-

